



MAJLIS PERBANDARAN KULAI

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]
PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 13(2)**

DRAF RANCANGAN TEMPATAN KULAI 2035

Adalah dengan ini diberitahu bahawa mengikut peruntukan subseksyen 13 (2), **Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 [Akta 172]**, **Draf Rancangan Tempatan Kulai 2035** adalah tersedia untuk pemeriksaan dan penelitian pada tarikh, masa dan tempat sebagaimana berikut:-

TARIKH	MASA	TEMPAT
3 Disember 2024 (Selasa)	8.00 Pagi – 4.30 Petang (Ahad-Rabu)	1. Majlis Perbandaran Kulai Jalan Pejabat Kerajaan, 81000 Kulai, Johor Darul Ta'zim.
Hingga	8.00 Pagi – 3.30 Petang (Khamis)	2. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia Johor), Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, Kota Iskandar, 79646 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.
1 Januari 2025 (Rabu)	(Hari Berkerja)	3. Pejabat Tanah Kulai Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Kulai, Persiaran Indahpura 6, 81000 Kulai, Johor Darul Ta'zim.
		4. IOI Mall Kulai Lower Ground Floor, Persiaran Indahpura 6, Lebuhraya Putra Utama, 81000 Kulai, Johor Darul Ta'zim.

Sebarang maklum balas/ cadangan / bantahan bolehlah dibuat melalui Borang Maklumbalas Awam yang disediakan di lokasi-lokasi sebagaimana di atas atau melalui laman web yang dinyatakan di bawah sebelum atau pada **1 Januari 2025 (Rabu)**.

Semua borang maklumbalas, surat atau memorandum hendaklah di alamatkan kepada:

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kulai,
Jalan Pejabat Kerajaan,
81000 Kulai,
Johor Darul Ta'zim
Emel : mpku@johor.gov.my
Laman Web : <https://mpkulai.gov.my>**